



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ("MRT Corp.") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan Malaysia yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudah, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan Malaysia telah melantik MRT Corp. sebagai Pemilik Projek MRT dan MMC-GAMUDA KVMRT (PDP) SDN BHD sebagai 'Project Delivery Partner' ("PDP") yang bertanggungjawab dalam melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG: JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG (KVMRT-SBK)". Projek KVMRT-SBK akan melibatkan pembinaan rangkaian rel transit bandar yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam Lembah Klang bagi memenuhi keperluan rakyat. Sistem pengangkutan awam bersepadu ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia di samping menjana ekonomi dan meningkatkan produktiviti rakyat.

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) untuk menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

PERIHAL TENDER & NO. TENDER	SYARAT-SYARAT TENDER	TAKLIMAT TENDER MANDATORI
"PACKAGE SIGN-U: SUPPLY AND DELIVERY OF SIGNAGES FOR ALL UNDERGROUND STATIONS AND ANCILLARY BUILDINGS" MRTCORP/KVMRT-SBK/CP/SIGN-U(R1)/30/104/2015	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) i. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Pengkhususan : 010401 dan/atau 010499 DAN ii. Sijil Akuan Syarikat Bumiputera	Tarikh : Jumaat, 13 November 2015 Masa : 10.00 pagi – 11.00 pagi Tempat : Perak Auditorium, Tingkat 7, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Nota: Pemohon perlu mendaftar di tempat di atas dari pukul 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi. Wakil daripada setiap penender yang berminat mestilah kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja di atas dan mestilah disahkan oleh syarikat.

Dokumen Tender boleh dibeli mulai dari 2.30 petang, **13 November 2015** sehingga **25 November 2015** dari:

TEMPAT JUALAN DOKUMEN TENDER DAN PENYERAHAN TENDER	MASA JUALAN DOKUMEN TENDER
Jabatan Perolehan, Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis: 9:00 pagi - 12:30 tengah hari dan 2:00 petang - 5:00 petang Jumaat: 9:00 pagi - 12:00 tengah hari dan 3:00 petang - 5:00 petang

Pembelian Dokumen Tender mestilah disertakan bersama Draf Bank atau "Banker's Cheque" pada jumlah **RM4,240.00 (termasuk 6% GST)** di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak dikembalikan.

Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermetri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Perolehan, seperti alamat di atas, tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, Selasa, 29 Disember 2015.**

Nota:

1. Penender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah kod pendaftaran seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh tender.
2. Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender sepertimana yang dijadualkan di atas.
3. Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti Dokumen Tender sebelum membuat pembelian.
4. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada penender yang telah menghadiri sesi taklimat tender. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
5. Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil penender **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil berserta **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan Sijil Akuan Syarikat Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia** yang 'ASAL' dan '**SALINAN YANG DISAHKAN (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A)**' seperti dinyatakan di atas.
6. Kesemua penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
7. Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
8. Dengan mengeluarkan kenyataan tender ini, MRT Corp. adalah tidak terikat dengan apa-apa cara dan tidak perlu menerima harga tender paling rendah atau mana-mana tender.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mel ke **procurement@mymrt.com.my**.